

PM setuju Kod Etika Hakim 1994

Oleh Agoes Kholil

BAH 20 DEC 1994

KOTA KINABALU: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan kewujudan Kod Etika Hakim 1994 bagi mengawasi perlakuan dan pelaksanaan tugas hakim sebagai langkah tepat untuk mengelakkan mereka melakukan perbuatan tidak baik.

Perdana Menteri berkata, hakim juga perlu ada kod etika sendiri kerana orang ramai tidak dapat menegur jika mereka melakukan kesalahan.

"Eloklah dengan adanya kod etika itu. Kita nak hakim juga ada kod etikanya kerana kalau hakim buat salah orang ramai tak dapat tegur.

"Mungkin kalau tiada kod dan apabila dia buat benda tidak elok tetapi tiada teguran, mungkin ia akan lebih buruk lagi," katanya selepas mengakhiri lawatan peribadi selama tiga hari ke Sabah, semalam.

Kod etika berkenaan yang diwartakan kelmarin

juga menentukan tindakan tata-tertib terhadap hakim yang melanggarnya, termasuk gagal mengisytiharkan harta dan juga berkelakuan yang menimbulkan syak.

Ditanya mengenai pelakusanaannya, Dr Mahathir berkata ia terpulang kepada badan kehakiman dan kerajaan tidak akan campur tangan.

Melalui kod etika itu, hakim yang melanggar tatalaku boleh dijadikan alasan bagi penyingkiran daripada jawatan.

Sebelum ini, jika seseorang hakim didapati tidak cekap atau tidak layak memegang jawatan atas sebarang alasan, sukar untuk memintanya meletak jawatan atau bersara secara pilihan.

Peruntukan kod etika itu, yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim-

hakim Besar Mahkamah-mahkamah Tinggi dan selepas berbincang dengan Perdana Menteri, digubal mengikut Fasal (3A), Perakara 125 Perlembagaan Persekutuan.

Kesalahan lain yang turut disenaraikan ialah berkelakuan tidak jujur, kurang cekap, kurang berusaha, melengah-lengahkan menyelesaikan kes-kes tanpa penjelasan yang munasabah, enggan mematuhi sesuatu perintah pentadbiran yang patut dan menganggotai atau aktif dalam politik.

Selain kod etika, Kaedah-Kaedah Mahkamah Khas 1994 dan Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994 juga diwartakan kelmarin.

Kaedah-Kaedah Mahkamah Khas 1994 hanya menggariskan penetapan bentuk menterai yang perlu digunakan seperti yang diperuntukkan dalam Kaedah 7, Kaedah-Kaedah Mahkamah Khas 1994 itu.